



Anwar menyaksikan Musa memotong kek sempena ulang tahun ke-90 di Johor Bahru, semalam.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

BERITA HARIAN 19 APR 2024

m/s: 4

Johor bakal jadi negeri termaju tempoh 2 tahun

Pelaksanaan dua zon ekonomi khas pacu pertumbuhan negara

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Johor dijangka menjadi negeri termaju di Malaysia dalam tempoh dua tahun ini susulan pelaksanaan dua zon ekonomi khas di negeri itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Zon Khas Kewangan Forest City seterusnya akan memacu pertumbuhan ekonomi negara menjadi lebih pesat.

“Dua zon ekonomi dan kewangan khas ini akan memacu perkembangan ekonomi negara menjadi lebih pesat.

“Apa sasarannya itu tak penting, namun paling penting adalah kemudahan ini (dua zon ekonomi) akan membantu dan dijangkakan Johor akan lebih pesat daripada beberapa negeri lain dalam tempoh setahun dua ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri MA-

DANI 2024 bersama Perdana Menteri di Padang Begonia, Angsana Johor Bahru Mall, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Tan Sri Dr Azmi Rohani.

Terdahulu, Anwar mempengerusikan Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Johor di Iskandar Puteri, di sini.

Dalam pada itu, ketika berucap dalam majlis sambutan berkenaan, Anwar berkata kewujudan dua zon khas ekonomi dan kewangan menjadi petanda Johor akan mencatat pertumbuhan yang sangat pesat tidak lama lagi.

“Tahun kebelakangan ini adalah tahun yang hebat buat Johor, bukan sahaja Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim yang juga Agong ke-17 dari negeri ini malah ia diterajui pemimpin muda yang berjaya membangunkan Johor sehingga pembangunan ekonomi antara yang terbaik di Malaysia,” katanya.

Sosok teguh dengan prinsip

Terdahulu, ketika mengucapkan selamat ulang tahun kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, Anwar berkata Musa adalah sosok yang teguh dengan prinsip dan integriti.

Perdana Menteri berkata, Musa juga menjadi watak yang gigih meneguhkan perpaduan dalam

kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

“Menyambut dan meraikan tokoh dan juga negarawan Tun Musa Hitam bersama isteri hari ini (semalam) di Johor Bharu. Tun Musa menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-90 hari ini. Alhamdulillah, orangnya masih bertokoh dan segar.

“Mengimbau sejarah, Tun Musa adalah mantan Timbalan Perdana Menteri dan merupakan sosok yang teguh dengan prinsip dan integriti, selain menjadi watak yang gigih meneguh perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

“Saya ucapkan selamat ulang tahun kelahiran buat Tun Musa Hitam. Semoga Tun terus sihat dan terus memainkan peranan menyemarak perpaduan di kalangan rakyat,” katanya menerusi perkongsian di Facebook.

Dalam perkongsian itu, Perdana Menteri turut berkongsi beberapa keping gambar beliau meraikan sambutan hari lahir Musa ketika berada di sini, semalam.

Beliau kemudian menghadiri jamuan makan tengah hari, yang turut meraikan ulang tahun Musa.

Yang turut hadir Onn Hafiz dan kepimpinan negeri.

Musa yang dilahirkan pada 18 April 1934 ialah Timbalan Perdana Menteri kelima negara, dari 1981 hingga 1986 di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.